

RHB BANK BERHAD
RHB Credit card Services
PURCHASE PROTECTION INSURANCE
Platinum Card
TERMS AND CONDITIONS

Certificate of Insurance under Master Policy No. D02YVPC8410285KL

In consideration of the premium paid by the Insured, the Company agrees, subject to the limits of liability, the terms, the exclusions, and the conditions for this Policy, to indemnify Cardholders for physical damage or loss by fire, theft and accidental physical damage to personal property purchased with the Card while the Policy is in effect, provided that such loss or damage occurs within THIRTY (30) days after the date on which the personal property is purchased.

The Company shall be entitled in the event of loss, and at its sole option, to repair, rebuild or replace the property lost or damaged (whether wholly or in part) or by crediting to Cardholders RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM Account thereof, whose receipt shall in all cases be an effectual discharge to the company, not exceeding the Purchase Price of the article lost or damaged upon giving notice of its intention to do so within SIXTY (60) days after the receipt of satisfactory Proof of Loss required hereunder and always subject to the limits of liability under this Policy.

DEFINITIONS

The words and phrases set out below shall for the purposes of this Policy have the meanings herein assigned to them:-

CARD

RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM CARDS

CARDHOLDERS

shall mean individuals issued with valid Basic or Supplementary Cards.

PERSONAL PROPERTY

shall mean consumer retail items purchased by Cardholders for their own behalf or on behalf of anyone else but shall not include items of any kind whatsoever used for or to be used for as samples or for demonstration and for commercial business or industrial purposes.

PURCHASE PRICE

shall mean the amount charged to the Cardholder RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM CARD account and evidence of such billing shall be the Cardholder's billing statement and the original signed copy of the Visa/Mastercard Sales Draft for the item or items of personal property concerned.

THE COMPANY

shall mean RHB INSURANCE BERHAD

LIMIT OF LIABILITY

- A) Indemnification in respect of any one occurrence shall be 50% of Amount stated in the Sales Draft subject to RM30,000.00 per anyone occurrence and in aggregate.
- B) The Company's total maximum annual aggregate liability per Cardholder and his Supplementary Cardholders shall not exceed RM30,000.00. In determining a year of insurance the commencement date of such year shall be taken as the date on which the Basic Card's validity first commences and such validity expires on the last date immediately prior to the succeeding anniversary year.
- C) For personal property purchased with a partial payment utilizing the Card, the total limit or liability will be prorated based upon the percentage the partial payment bears to the full purchase price, but the Cardholder shall however not be entitled to any indemnification whatsoever if the partial payment charged against the card is less than 70% of the Purchase Price.
- D) Where any insured personal property consist of items in a pair or set the Company shall not be liable to pay more than the value of any particular part of parts which may be lost or damage without reference to any special value which such items may have as part of such pair or set, nor more than a proportionate part of the Purchase Price of the pair or set.
- E) In respect of each and every claim the Company shall not be liable for the first RM100.00 of any account otherwise payable under this Policy.

EXCLUSIONS

- A) There shall be no payment under the Policy for loss or damage arising from the following perils:-
 - 1) Flood and Earthquake.
 - 2) War invasion, hostilities, rebellion, insurrection, riot & civil commotion.
 - 3) Detention, Seizure & Confiscation by Customs or any other Government Official or risks of contract and or losses arising from any illegal activities or acts.
 - 4) Normal wear and tear or inherent product's defect or defects.
 - 5) Mysterious disappearance, theft by deception or criminal breach of trust.
 - 6) Radioactive contamination.
 - 7) Thefts that do not arise as a result of forcible entry or breaking into the house.

- B) There shall be no payment under the Policy for loss or damage in respect of the following personal property:-
- 1) Cash or its equivalent, travelers cheques, tickets and any other negotiable instruments.
 - 2) Animals or living plants.
 - 3) Jewellery and watches in baggage boxes or any container unless the same are carried by hand by Cardholders and are at all time under the personal care and supervision of the Cardholders.
- C) There shall be no payment under this Policy:-
- 1) For loss or damage to personal property as a result of direct physical abuse to the personal property or as a result of gross negligence by the Cardholders.
 - 2) For loss or damage to the personal property where the same is procured by the Cardholders through fraud or any illegal means.
 - 3) Where the Cardholders knowingly make false, exaggerated or fraudulent claims.
 - 4) If the personal property is covered by a guarantee given by the vendor or maker of the personal property.
 - 5) If the property is insured separately elsewhere.
 - 6) For any whatsoever kind of the personal property is purchased through mail and or telephone order.

GENERAL CONDITIONS

OTHER INSURANCE

This policy pays for direct physical loss or damage to the extent that such loss or damage has not been paid by any other insurance of the Cardholder. Subject to the Limit of Liability, the Company shall be liable to pay the Cardholder only for the amount by which the loss exceeds the amount actually paid by such other insurance.

SUBROGATION CLAUSE

If the company becomes liable to make any payment to a Cardholder under this Policy in respect of direct physical loss or damage, the Company shall be subrogated, to the extent of such payment, to all the rights and remedies of the Cardholder against any party in respect of such loss or damage, and shall be entitled at its own expense to sue in the name of the Cardholder. The Cardholder shall give the Company all such assistance as the Company may reasonably require to perfect and to secure its rights and remedies and, at the Company's request shall execute all documents necessary to enable the Company to sue in the name of the Cardholder.

NOTICE OF LOSS/PROOF OF LOSS

The Cardholder, upon knowledge of direct physical loss or damage to property indemnified by this Policy, shall immediately notify the Company by telephone or write to RHB Insurance Berhad, Level 8, Tower One RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur within Thirty (30) days after the date of such loss or damage and in respect of loss or damage by theft the Cardholders must notify the Police forthwith after discovery of the loss or damage. **WARNING : FAILURE TO GIVE SUCH NOTICE WITHIN THIRTY (30) DAYS AFTER THE DATE OF LOSS WILL RESULT IN LOSS OF THE INSURANCE PROVIDED HEREUNDER.** The Cardholder must also return the completed and signed Claim Form to RHB Insurance Berhad at the above address within Sixty (60) days after the date of loss. The Cardholder shall provide a signed Claim Form stating the time, place, cause of loss and the amount of loss or damage together with other substantiation of the loss, including RHB VISA/ MASTERCARD PLATINIUM CARDHOLDER'S Record of Charge and sort receipt and a policy, fire insurance claim or loss report or other report of the occasion of the loss sufficient for a determination of eligibility, for indemnification hereunder. The Cardholder also furnish the Company with a copy of any claim filed with insurers of the Cardholder providing insurance against such loss or damage. In the event of direct physical damage to the personal property, the Cardholder may, at the sole discretion of the Company, be required to return such property to the Company at the above address, at the Cardholder's expenses.

FALSE CLAIMS

If a Cardholder shall make any claim knowing the same to be false or fraudulent, as regards amount or otherwise, this Policy shall become void as to such Cardholder and all his/her claims hereunder shall be forfeited.

DUE DILIGENCE CLAUSE

The Cardholder shall use due diligence and concur in doing all things reasonably practicable to avoid or diminish any loss of or damage to the property insured hereunder. The Company will not unreasonably apply this provision to avoid claims hereunder.

GIFTS

Subject to all the limits of liability, terms, conditions and exclusions of this Policy, gifts of insured property from cardholders to third party will be covered for direct physical loss or damage to that property provided that the direct physical loss or damage occurs during the Policy period and within Thirty (30) days of purchase and the claim is made by the Cardholder in accordance with the policy requirements.

NO ASSIGNMENT OF INTEREST

Save as provided by this Policy, a Cardholder's under this Policy may not be assigned or transferred by the Cardholder, and any rights which may arise under this Policy (including any claims made or that may be made) may not be assigned or transferred by the Cardholder without the prior written consent of the Company. Assignment or transfer by the Cardholder of the benefits under this Policy without the prior written consent of the Company shall void all coverage as to the assignor/transferor and the assignee/transferee under this Policy.

INSURED AND ADDITIONAL INSURED ONLY

The indemnification provided by this Policy shall insure only to the benefit of the Insured or Additional Insureds. No other person or entity shall have any legal or equitable right, remedy or claim for indemnification under or arising out of this Policy.

PROCEEDING AGAINST THE COMPANY

- a) Commencement of Proceedings
In no case whatever shall the Company be liable for any loss or damage after the expiration of twelve months from the occurrence of the loss or damage unless the claim is the subject of pending action or arbitration.

- b) Liability of the Company
The due observance of fulfillment of the terms, conditions and endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Cardholder under this Policy shall be conditions precedent to any liability of the Company to make payment under this Policy.

- c) Arbitration
All differences arising out of the Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators, one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or, in case the Arbitrators do not agree, of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit within the arbitrators and preside at their meetings. The making of an Award shall be subject to any relevant Statutory provisions to the contrary, be a condition precedent to any rights of action against the Company; but if such action be not commenced within one year

of the making of an Award, the right of action shall be deemed to be abandoned and released. After the expiration of one year after the accrual of the cause of action the Company shall not be liable in respect of any claims there such claim shall in the meantime have been referred to arbitration.

RECOVERY OF SALVAGE

Any recovery or salvage shall be the exclusive right or property of the Company.

BANKRUPTCY OR INSOLVENCY

Bankruptcy or insolvency of the Insured will not relieve the Company of any of its obligations under this policy.

CANCELLATION

This Policy may be cancelled at any time at the request of the Insured by surrender of the policy to the Company. The Company may also cancel this Policy by sending Thirty (30) days' notice by registered letter to the Insured's last known address and the Insured shall thereupon become entitled to proportionate return of premium.

PREMIUM ADJUSTMENT

The Company will charge an annual deposit and minimum premium payable in advance which will be adjusted at the rates of premium agreed from time to time at the end of twelve months annually on the number of new and renewed cards issued during the period of each year commencing from 30th of June. The Insured is required to submit to the Company a declaration the number of new and renewed Cards within 30 days of the expiry of each twelve months period. For the purpose of this declaration cancellation of membership midterm during the period shall not be taken into account and is to be declared accordingly.

TERMS OF POLICY CONFORM TO STATUTE

Terms of this Policy that conflict with the statute, law or regulation of any jurisdiction wherein this Policy has application are hereby amended to conform to such statute, law or regulation.

LAW AND JURISDICTION

This Policy shall be governed by and construed in accordance within Malaysian law and all actions or proceedings by a Cardholder arising out of or in respect of this Policy shall be subject to the exclusive jurisdiction of the Malaysian courts, to which the Company hereby submits, and to which any Cardholder making claims shall thereby submit.

RHB BANK BERHAD
Perkhidmatan Kad Kredit RHB
INSURANS PERLINDUNGAN PEMBELIAN
Kad Platinum
Terma-terma dan syarat-syarat

Sijil Insurans Perlindungan di bawah Polisi Induk No. D02YVPC8410285KL

Sebagai balasan untuk bayaran premium oleh Pihak Diinsuranskan, syarikat bersetuju, tertakluk kepada had-had liabiliti, terma-terma, pengecualian-pengecualian, dan syarat-syarat Polisi ini, untuk melindungi Pemegang-pemegang Kad daripada kerosakan fizikal atau kehilangan akibat kebakaran, kecurian dan kerosakan fizikal akibat kemalangan kepada harta persendirian yang dibeli menggunakan Kad sementara Polisi ini masih berkuatkuasa, dengan syarat kerugian atau kerosakan itu berlaku dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari selepas tarikh pembelian harta persendirian tersebut.

Syarikat berhak jika berlakunya kerugian, dan atas pilihannya semata-mata, untuk memperbaiki, membaik pulih atau mengganti harta yang hilang atau rosak (samada keseluruhan atau sebahagian) atau dengan memberi kredit kepada akaun Pemegang-pemegang Kad RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM, di mana penerimaan untuk semua situasi bermakna syarikat telah menjalankan tanggungjawabnya, tidak melebihi Harga Belian untuk barangan yang hilang atau rosak apabila memberi notis tujuan untuk melakukannya dalam tempoh ENAM PULUH (60) hari selepas menerima Bukti Kerugian yang memuaskan yang diperlukan di sini dan sentiasa tertakluk kepada had-had liabiliti dibawah Polisi ini.

DEFINASI

Perkataan dan ayat-ayat yang dinyatakan di bawah adalah untuk tujuan Polisi ini dan mempunyai makna-makna yang diberikan:-

KAD

KAD-KAD RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM

PEMEGANG KAD

Bermakna individu-individu yang diberikan Kad-kad Utama atau Tambahan yang masih boleh digunapakai

HARTA PERSENDIRIAN

Bermakna barang runcit pelanggan yang dibeli oleh Pemegang Kad bagi pihak dirinya atau pihak lain tetapi

tidak termasuk sebarang barang yang digunakan sebagai contoh atau untuk demonstrasi dan untuk tujuan perniagaan komersial atau industri.

HARGA BELIAN

Bermakna amaun yang dicajkan kepada akaun Pemegang Kad RHB BANK VISA/MASTERCARD PLATINUM dan bukti bil tersebut adalah penyata bil Pemegang Kad dan salinan asal Deraf Jualan Visa/Mastercard yang bertandatangan untuk barang atau barang-barang harta persendirian tersebut.

SYARIKAT

Bermakna RHB INSURANCE BERHAD

HAD LIABILITI

- a) Perlindungan untuk sebarang kejadian adalah 50% daripada Jumlah yang dinyatakan di dalam Draf Jualan tertakluk kepada RM30,000 bagi setiap kejadian dan di dalam agregat.
- b) Liabiliti agregat tahunan maksimum bagi Syarikat untuk setiap Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahannya tidak boleh melebihi RM30,000.00. Bagi menentukan tahun insurans, tarikh permulaan tahun tersebut akan dikira tarikh pengesahan berkuatkuasanya Kad Utama dan pengesahan tersebut luput serta-merta pada tarikh terakhir sebelum ulang tahun berikutnya.
- c) Untuk harta persendirian yang dibeli dengan sebahagian daripada bayaran dibuat menggunakan Kad, jumlah had atau liabiliti akan dikira secara pro-rata dengan peratus bayaran tersebut dengan jumlah harga belian, tetapi walau bagaimanapun Pemegang Kad tidak berhak terhadap sebarang perlindungan jika bayaran sebahagian yang dicajkan ke atas kad adalah kurang 70% daripada harga belian.
- d) Sekiranya harta persendirian yang diinsuranskan terdiri daripada barang-barang dalam bentuk sepasang atau satu set, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai mana-mana bahagian yang mungkin hilang atau rosak tanpa merujuk kepada sebarang nilai khas yang ada pada barang tersebut sebagai pasangan atau set, juga tidak melebihi sebahagian jumlah Harga Belian untuk sepasang atau satu set.
- e) Untuk setiap dan semua tuntutan Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap RM100.00 pertama untuk mana-mana akaun perlu bayar di bawah Polisi ini.

PENGECUALIAN

- a) Pembayaran tidak akan dibuat di bawah Polisi ini untuk kehilangan atau kerosakan akibat daripada kejadian-kejadian berikut:-
- 1) Banjir dan gempa bumi.
 - 2) Peperangan, serangan, permusuhan, pemberontakan, insurreksi, rusuhan & kekacauan awam.
 - 3) Penahanan & Rampasan oleh Kastam atau mana-mana Pegawai Kerajaan atau risiko kontrak dan atau kerugian yang timbul daripada sebarang aktiviti-aktiviti atau tindakan.
 - 4) Haus dan lusuh yang biasa atau kerosakan produk yang sedia wujud.
 - 5) Kehilangan misteri, kecurian akibat penipuan atau jenayah pecah amanah.
 - 6) Pencemaran radioaktif.
 - 7) Kecurian yang bukan akibat daripada masuk secara paksaan atau pecah rumah.
- b) Pembayaran tidak akan dibuat di bawah Polisi ini untuk kehilangan atau kerosakan yang berkaitan dengan harta persendirian berikut:-
- 1) Tunai atau yang sepertinya, cek-cek kembara, tiket-tiket dan sebarang instrumen boleh niaga
 - 2) Binatang atau tumbuhan hidup.
 - 3) Barang kemas dan jam yang berada dalam bagasi, kotak atau sebarang bekas melainkan barangan tersebut dibawa dengan tangan oleh Pemegang Kad dan berada di bawah jagaan dan pengawasan Pemegang Kad pada setiap masa.
- c) Pembayaran tidak akan dibuat di bawah Polisi ini:-
- 1) Untuk kehilangan atau kerosakan harta persendirian akibat daripada penyalahgunaan secara fizikal secara langsung terhadap harta persendirian atau akibat daripada kecuaiian oleh Pemegang Kad.
 - 2) Untuk kehilangan atau kerosakan harta persendirian yang dibeli oleh Pemegang Kad melalui penipuan atau secara tidak sah.
 - 3) Di mana Pemegang Kad secara sengaja membuat tuntutan-tuntutan yang tidak benar, yang diperbesar-besarkan atau palsu.

- 4) Jika harta persendirian dilindungi secara jaminan yang diberikan oleh vendor atau pembuat harta persendirian itu.
- 5) Jika harta itu diinsuranskan secara berasingan dengan pihak lain.
- 6) Untuk sebarang jenis harta persendirian yang dibeli melalui pos dan atau pesanan telefon.

SYARAT-SYARAT AM

INSURAN LAIN

Polisi ini membayar untuk kehilangan atau kerosakan fizikal secara langsung setakat di mana kehilangan atau kerosakan tersebut tidak dibayar oleh mana-mana insuran lain Pemegang Kad. Tertakluk kepada Had Liabiliti, Syarikat bertanggungjawab membayar Pemegang Kad hanya kepada amaun kerugian yang melebihi jumlah amaun yang dibayar oleh insuran yang lain.

KLAUSA PENGAMBILAN HAK

Jika menjadi tanggungjawab Syarikat untuk membuat bayaran kepada mana-mana Pemegang Kad dibawah Polisi ini berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan fizikal secara langsung, Syarikat akan mengambil hak, setakat kepada bayaran tersebut, terhadap semua hak dan pemulihan Pemegang Kad terhadap mana-mana pihak berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan tersebut, dan berhak untuk menyaman dengan perbelanjaan sendiri di atas nama Pemegang Kad. Pemegang Kad perlu memberikan kerjasama yang sepatutnya apabila diperlukan oleh Syarikat untuk melengkapkan dan melindungi hak dan pemulihan dan, atas permintaan Syarikat perlu menyempurnakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat menyaman atas nama Pemegang Kad.

NOTIS KEHILANGAN/BUKTI KEHILANGAN

Pemegang Kad, sebaik sahaja menyedari kehilangan atau kerosakan fizikal secara langsung kepada harta yang dilindungi oleh Polisi ini, perlulah dengan serta merta memberitahu Syarikat dengan telefon atau menulis kepada RHB Insurance Berhad, Tingkat 8, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari selepas tarikh kehilangan atau kerosakan dan untuk kehilangan atau kerosakan akibat kecurian, Pemegang Kad perlulah memberitahu Polis sebaik sahaja menyedari kehilangan atau kerosakan itu. **AMARAN: KEGAGALAN MEMBERIKAN NOTIS TERSEBUT DALAM TEMPOH TIGA PULUH (30) HARI SELEPAS TARIKH KEHILANGAN AKAN MENYEBABKAN HILANGNYA INSURANS YANG DIBERIKAN DI SINI.** Pemegang Kad perlulah mengembalikan semula Borang Tuntutan yang telah

dilengkapkan dan ditandatangani kepada RHB Insurance Berhad di alamat di atas dalam tempoh Enam Puluh (60) hari selepas tarikh kehilangan. Pemegang Kad perlu menyerahkan Borang Tuntutan yang bertandatangan dengan menyatakan waktu, tempat, punca kehilangan dan jumlah kerugian atau kerosakan berserta bukti sokongan tentang kehilangan, termasuk Rekod Caj PEMEGANG KAD RHB VISA/MASTERCARD PLATINUM dan resit dan polisi, tuntutan insurans kebakaran atau laporan kehilangan atau laporan lain tentang kejadian kehilangan yang mencukupi bagi menentukan kesahihan, untuk perlindungan berkenaan. Pemegang Kad juga perlu menyerahkan kepada Syarikat satu salinan mana-mana tuntutan yang dibuat dengan penginsurans Pemegang Kad yang menyediakan insurans untuk kehilangan atau kerosakan tersebut. Jika berlaku kerosakan fizikal secara langsung terhadap harta persendirian, Pemegang Kad mungkin, di atas budibicara mutlak Syarikat, diperlukan untuk memulangkan harta tersebut kepada Syarikat di alamat di atas, dengan perbelanjaan Pemegang Kad.

TUNTUTAN PALSU

Jika Pemegang Kad secara sengaja membuat tuntutan palsu atau tidak benar, berkenaan amaun atau sebaliknya, Polisi ini akan terbatal terhadap Pemegang Kad tersebut dan segala tuntutan beliau tidak akan diambil kira.

KLAUSA "DUE DILIGENCE"

Pemegang Kad boleh menggunakan "due diligence" dan bersetuju di dalam melakukan segala perkara yang boleh dipraktikkan secara munasabah bagi mengelakkan atau mengurangkan sebarang kehilangan atau kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan disini. Syarikat tidak akan menggunakan peruntukan ini secara tidak munasabah untuk mengelakkan tuntutan.

HADIAH

Tertakluk kepada semua had-had liabiliti, terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian Polisi ini, hadiah berupa harta yang diinsuranskan daripada Pemegang Kad kepada pihak ketiga akan dilindungi untuk kehilangan atau kerosakan fizikal secara langsung ke atas harta tersebut dengan syarat kehilangan atau kerosakan fizikal secara langsung itu berlaku dalam tempoh Polisi dan dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari pembelian dibuat dan tuntutan dibuat oleh Pemegang Kad mengikut keperluan polisi.

TIADA PENYERAHAN HAK

Melainkan jika dinyatakan oleh Polisi ini, Pemegang Kad di bawah Polisi ini tidak boleh menyerahkan hak atau membuat

pindahan oleh Pemegang Kad, sebarang hak yang mungkin timbul dibawah Polisi ini (termasuk sebarang tuntutan yang dibuat atau mungkin akan dibuat) tidak boleh menyerahkan hak atau membuat pindahan oleh Pemegang Kad tanpa mendapat persetujuan bertulis Syarikat. Penyerahan hak atau pindahan oleh Pemegang Kad untuk manfaat di bawah Polisi ini tanpa mendapat persetujuan bertulis Syarikat akan menyebabkan semua perlindungan menjadi tidak sah untuk penyerah/pemindah dan penerima di bawah Polisi ini.

PIHAK DIINSURANSKAN DAN PIHAK DIINSURANSKAN TAMBAHAN SAHAJA

Perlindungan yang disediakan oleh Polisi ini adalah hanya untuk manfaat Pihak Diinsuranskan atau Pihak Diinsuranskan Tambahan. Tiada orang atau entiti lain akan mempunyai hak undang-undang atau ekuiti, pemulihan atau tuntutan untuk perlindungan di bawah atau yang timbul daripada Polisi ini.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP SYARIKAT

- a) **Permulaan Tindakan Undang-undang**
Syarikat tidak bertanggungjawab untuk kehilangan atau kerosakan bagi apa jua kes selepas tamat dua belas bulan daripada berlakunya kehilangan atau kerosakan melainkan tuntutan itu tertakluk kepada tindakan yang tertanggung atau timbangtara.
- b) **Liabiliti Syarikat**
Pemerhatian yang perlu terhadap memenuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini selagi ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Kad dibawah Polisi ini akan menjadi syarat duluan kepada apa jua liabiliti Syarikat untuk membuat bayaran di bawah Polisi ini.
- c) **Timbangtara**
Segala pertelingkahan yang timbul dalam Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan memilih seorang Penimbang Tara melantik dua orang Penimbang Tara, setiap seorang melantik Penimbang Tara sendiri secara bertulis dalam tempoh satu bulan kalendar setelah diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana satu pihak atau, jika Penimbang Tara tidak bersetuju, Wasit dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum permulaan setelah dirujuk. Wasit akan berkedudukan di antara Penimbang

Tara dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka. Penganugerahan adalah tertakluk kepada sebarang peruntukan Berkanun yang berkaitan dan sebaliknya, menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak membuat tindakan terhadap Syarikat; tetapi jika tindakan tersebut tidak dimulakan dalam tempoh satu tahun selepas penganugerahan dibuat, hak membuat tindakan adalah dianggap terlucut dan dilepaskan. Setelah tamat tempoh satu tahun selepas terakurnya jenis tindakan Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan di mana sementara tuntutan tersebut telah dirujuk kepada Penimbang Tara.

PENEMUAN SEMULA BARANGAN

Sebarang penemuan semula barangan adalah menjadi hak eksklusif atau harta Syarikat.

BANKRUPSI ATAU INSOLVENSI

Bankrupsi atau insolvensi Pihak Diinsuranskan tidak akan menyebabkan hilangnya obligasi Syarikat dibawah Polisi ini.

PEMBATALAN

Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas permintaan Pihak Diinsuranskan dengan menyerahkan Polisi ini kepada Syarikat. Syarikat boleh juga membatalkan Polisi ini dengan memberi notis Tiga puluh (30) hari dengan surat berdaftar kepada alamat terakhir Pihak Diinsuranskan dan Pihak Diinsuranskan dengan itu berhak kepada pemulangan bersekadar premium.

PERUBAHAN PREMIUM

Syarikat akan mengenakan caj deposit tahunan dan premium perlu bayar minimum terlebih dahulu di mana ianya akan diubahkan pada kadar premium yang dipersetujui dari masa ke semasa pada penghujung dua belas bulan secara tahunan pada bilangan kad-kad baru atau yang diperbaharui yang dikeluarkan dalam tempoh setiap tahun bermula daripada 30 Jun.

Pihak Diinsuranskan perlu menyerahkan kepada Syarikat satu deklarasi bilangan kad-kad baru atau yang diperbaharui dalam tempoh 30 hari daripada tarikh luput setiap tempoh dua belas bulan. Untuk tujuan deklarasi ini pembatalan pertengahan tempoh keahlian semasa tempoh tersebut tidak akan diambil kira dan perlu dinyatakan.

TERMA-TERMA POLISI MEMATUHI PERUNDANGAN

Terma-terma Polisi ini yang bercanggah dengan perundangan, undang-undang atau peraturan bagi sebarang penguatkuasaan di mana Polisi ini digunapakai adalah dengan ini diubah supaya mematuhi perundangan atau undang-undang atau peraturan tersebut.

UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

Polisi ini adaklah tertakluk kepada dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia dan semua tindakan atau tindakan undang-undang oleh Pemegang Kad yang timbul daripad atau berkaitan Polisi ini adalah tertakluk kepada penguatkuasaan eksklusif mahkamah Malaysia, di mana Syarikat dengan ini mematuhi, dan di mana sebarang Pemegang Kad yang membuat tuntutan juga perlu turut mematuhi.